

PM: Saham jatuh hanya sementara

14 JAN 1994

KANGAR 13 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan mereka yang melabur dalam pasaran saham supaya jangan menjual saham masing-masing kerana kejatuhan yang dialami sekarang adalah sementara.

Katanya, mereka harus menunggu kerana beliau yakin pasaran saham lambat laun akan pulih semula.

Namun begitu, beliau berharap orang ramai akan lebih berhati-hati semasa melabur.

Perdana Menteri menegaskan, orang ramai juga tidak boleh menyalahkan kerajaan di atas kejatuhan pasaran saham sekarang kerana kerajaan telah

berkali-kali memberi amaran:

Beliau menambah, beberapa pemimpin negara termasuk beliau sendiri pernah memberi ingatan supaya orang ramai tidak terlalu ghairah bermain saham kerana kemungkinan pasaran saham akan menurun.

Katanya: "Ini adalah proses perniagaan dan setiap mereka yang terlibat dalam saham hendaklah mempunyai semangat perniagaan walaupun harga saham menurun. Saya yakin lambat laun harga ini akan kembali naik."

"Kini sudah jelas apa yang telah diperkatakan itu menjadi kenyataan apabila harga saham me-

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Saham jatuh hanya sementara

nurun sejak 14 JAN 1994 ini dan dalam menghadapi keadaan sebegini, rakyat jangan pula menyalahkan kerajaan," jelasnya kepada para pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, pasaran saham dalam negara meningkat sebelum ini kerana kemasukan banyak wang asing.

Menurutnya, apabila

saham meningkat, pelabur-pelabur luar menjual saham mereka, menyebabkan pasaran saham jatuh seperti sekarang.

Katanya, di sebalik kejatuhan harga saham, pada asasnya ia juga membawa suatu kebaikan kerana kebanyakan syarikat di negara ini mendapat banyak keuntungan apabila mereka menjual

saham masing-masing semasa harga saham melambung.

Dalam hal ini, tambahnya, yang bermasalah ialah mereka yang berhutang untuk membeli saham kerana perlu membayar balik hutang tersebut.

"Saya berharap orang ramai faham tentang peranan pasaran saham un-

tuk mewujudkan modal, tetapi kalau kita anggap pasaran saham tempat untuk permainan, kita akan merasai kesan buruk daripadanya," ujar beliau.

Dr. Mahathir juga menolak dakwaan yang menyatakan apa yang sedang berlaku ke atas pasaran saham sekarang ada kaitan dengan kemungkinan pilihanraya umum.